



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	23/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JPNK			

Tiada kelulusan terbang balak di Gunung Jerai

UM, 23 Ogos
2021_13

ALOR SETAR: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) mengesahkan tiada sebarang aktiviti pembalakan berlaku di Hutan Simpan Gunung Jerai di Yan, dekat sini sejak 1953.

Pengarahnya, Muhammad Abdullah berkata, sehingga kini, pihaknya tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak melakukan aktiviti pembalakan di kawasan gunung tersebut.

Katanya, kawasan seluas 8,560 hektar itu adalah hutan simpan kekal yang diwartakan sebagai hutan perlindungan.

"Pewartaan itu dilakukan pada 30 Mei 1953. Ini bermakna aktiviti pembalakan tidak

dibenarkan sama sekali di Gunung Jerai.

"Tiada kelulusan pembalakan diberikan kerajaan negeri dan tiada sebarang aktiviti pembalakan dikesan di kawasan itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebelum ini, beberapa pihak cuba mengaitkan kegiatan pembalakan di Gunung Jerai sebagai punca berlakunya tragedi kepala air yang mengorbankan lima nyawa, seorang cedera dan seorang masih hilang setakat ini.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md. Nor juga menafikan dakwaan terdapat aktiviti

pembalakan di kawasan gunung itu sejak hari pertama tragedi tersebut.

Mengulas lanjut, Muhammad berharap semua pihak tidak membuat tuduhan melulu tanpa menyemak fakta tepat.

"Saya menasihatkan semua pihak membuat semakan terlebih dulu dan tidak menyebarkan khabar tidak pasti terutama di media sosial," katanya.

Dalam kejadian kepala air di Gunung Jerai, Yan, Khamis lalu, lima terbunuh manakala pihak berkuasa masih berusaha mencari seorang lagi mangsa yang hilang.